

# Pemuda didenda RM1,200 kerana tumbuk kenalan

**KUCHING:** Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM1,200 terhadap seorang pemuda kerana menumbuk kenalan lelaki selepas tidak berpuas hati ditegur membuang air kecil di longkang rumah mangsa.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan mengarahkan Ha Tiing Seng, 24, untuk dipenjara tiga bulan penjara sekiranya gagal membayar denda.

Tertuduh mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana sengaja mencederakan jirannya yang berusia 45 tahun dalam

satu kejadian pada 22 Julai 2025, sekitar jam 10.21 malam di sebuah rumah di Taman Sri Moyan di sini.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga setahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, telah berlangsung majlis keramaian di rumah hadapan jiran mangsa pada malam kejadian dan mangsa telah menegur tertuduh kerana kencing di longkang rumahnya.

Susulan itu, tertuduh yang tidak berpuas hati bertindak menumbuk muka mangsa menggunakan tangan se-

banyak sekali, menyebabkan mangsa mengalami kecederaan di bahagian mulut, selain patah gigi.

Mangsa seterusnya membuat laporan polis sehingga membawa kepada penangkapan tertuduh.

Hasil siasatan mendapat tertuduh mengaku telah mendatangkan kecederaan kepada mangsa.

Malah, laporan perubatan mengesahkan mangsa mengalami kecederaan di bahagian atas mulut sebelah kiri dan terdapat pecah sedikit gigi kacip kedua di bahagian bawah rahang.

Tertuduh tidak diwakili peguam.